



# KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI

TAHUN 2025 (JUN)

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN



# BERITA HARIAN

## 01.06.2025 (AHAD)

### Ejen nikah tak bertauliah berleluasa dorong rasuah di jabatan agama

Kuala Lumpur: Ejen nikah tidak bertauliah yang berleluasa di sempadan utara negara, dikesan menjadi antara punca penyelewengan dan salah guna kuasa membabitkan pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) yang pernah dibongkar oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

SPRM berkata, situasi itu menyebabkan berlakunya salah laku oleh pihak tertentu, termasuk kaitangan awam yang mahu mendapatkan keuntungan mudah melalui sindiket perkahwinan negara.

BH difahamkan, peraturan dan arahan yang lemah turut memudahkan pihak tidak bertanggungjawab memanipulasikan situasi berkenaan bagi mengaut keuntungan peribadi dalam isu pernikahan terbatil.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPM (Pencegahan), Datuk Azmi Kamaruzaman, berkata dalam isu berkenaan, pihaknya mengesas beberapa kelemahan tatakelola membabitkan Pengurusan Pendaftaran dan Pembayaran Eluan Saguhati kepada Saudara Baru (muafaf).

"Antara cadangan penambahan yang disyorkan ialah mewujudkan garis panduan yang komprehensif selaras dengan kehendak Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 Undang-Undang Negeri Perlis.

Beliau berkata, agensi agama itu perluri bertindak segera menutup ruang dan peluang perlakuan jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewangan.

"Berhubung isu kelemahan membabitkan Pengurusan Pendaftaran Perkahwinan Luar Negara, antara pengesyoran yang dikemukakan SPM ialah me-

wujudkan arahan, peraturan atau larangan kepada mana-mana individu atau syarikat yang menjalankan perkhemmatan ejen pendaftaran perkahwinan luar negara tanpa kebenaran atau kelulusan dari JAIPs.

"Ia bertujuan mengkekang pihak tertentu daripada mengaut keuntungan peribadi melalui penyedian dokumen dan maklumat palsu serta gagal mematuhi prosedur yang ditetapkan," katanya kepada BH.

#### Tambah baik tatakelola

Mengulas lanjut, Azmi berkata, pihaknya juga sudah mengadakan sesi pembentangan penambahbaikan tatakelola bagi memperbaiki kelemahan dan amalan JAIPs.

Katanya, selain isu pendaftaran perkahwinan, SPM juga mengesas kelemahan dalam isu Pengurusan Pendaftaran dan Pembayaran Eluan Saguhati kepada Saudara Baru (muafaf).

"Antara cadangan penambahbaikan yang disyorkan ialah mewujudkan garis panduan yang komprehensif selaras dengan kehendak Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 Undang-Undang Negeri Perlis.

"Pewujudan garis panduan ini penting bagi memastikan proses kerja dilaksanakan secara telus dan teratur untuk mengelakkan perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewangan dan penipuan," katanya.

Mengulas mengenai perbinca-

ngan memperbaiki tatakelola JAIPs, Azmi berkata, sebanyak 12 cadangan penambahbaikan dikemukakan kepada jabatan itu ketika sesi pembentangan berkenaan.

"Ia sebagai usaha untuk memperkuatkkan sistem tadbir urus yang berintegriti, sekali gus menutup ruang dan peluang perlakuan jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewangan," katanya.

Beliau berkata, pembentangan penambahbaikan tatakelola ini adalah proses menasihati ketua badan awam atau swasta melalui kaedah rundingan berkaitan cadangan penambahbaikan dalam amalan, sistem dan tatacara.

"Ia bertujuan menutup ruang dan peluang berlaku risiko serta jenayah rasuah selaras dengan Seksyen 7(c), (d) dan (e), Akta SPM 2009 (Akta 694)," katanya.

Isu rasuah dan salah laku membabitkan JAIPs berlaku tahun lalu, selepas SPM menahan tiga individu iaitu pegawai kawan JAIPs, imam sebuah masjid di Kangar dan anaknya yang juga pemilik syarikat yang mengendalikan pendaftaran pernikahan di negeri itu.

Tahun ini, media melaporkan, seorang bekas Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah JAIPs berdepan tujuh pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan nilai lebih RM300,000 pada 2022, 2023 dan 2024.



SPRM Perlis mengadakan sesi pembentangan penambahbaikan tatakelola bersama JAIPs, baru-baru ini.



# SINAR HARIAN

## 03.06.2025 (SELASA)

# SPRM syak transaksi RM20j untuk aktiviti judi

Kes penyelewengan dana sukuk lebuh raya, 45 saksi dirakam percakapan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
SHAH ALAM



AZAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesyaki terdapat transaksi kira-kira RM20 juta berkaitan aktiviti judi hasil penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri berkata, transaksi itu dikesan hasil siasatan dijalankan dan mungkin lebih daripada RM20 juta dibelanjakan dalam aktiviti perjudian.

Menurutnya, sebanyak 300 botol minuman beralkohol mewah turut dijumpai di sebuah stor simpanan.

"SPRM masih mengesan aset di dalam negara dan luar negara untuk proses penyitaan.

"Setakat ini 45 saksi sudah dirakam percakapan namun hasil setakat semalam (Ahad), Tan Sri terbabit masih berada di dalam wad hospital swasta," katanya pada Isnin.

Sinar Harian pada 31 Mei lalu melaporkan SPRM sudah menyita aset dan membekukan akaun bank dengan nilai keseluruhan

RM85.6 juta susulan siasatan membabitkan seorang pemegang konsepsi lebuh raya bergelar Tan Sri.

Antara yang disita termasuk 14 akaun individu berjumlah RM4.5 juta, lapan akaun syarikat berjumlah RM33 juta, kenderaan mewah bernilai RM7.65 juta, beg tangan bernilai RM3 juta, jam tangan mewah RM7 juta dan hartanah bernilai RM24.5 juta.

Kesemua barang dan aset disita bagi tujuan siasatan lanjut di bawah Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA) 2001.



Laporan Sinar Harian pada 31 Mei lalu.



# HARIAN METRO

## 05.06.2025 (KHAMIS)

### Dua polis makan suap RM20,000 kena reman enam hari

**Melaka:** Dua anggota polis direman enam hari bermula semalam bagi siasatan kes meminta dan menerima rasuah RM20,000 daripada seorang lelaki sebagai balasan berkaitan aktiviti dadah, bulan lalu.

Suspek masing-masing koperal dan lans koperal berusia 37 serta 26 tahun terbabit direman sehingga 9 Jun ini.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Uthman Abd Ghani selepas dipohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan antara jam 6.25 petang hingga jam 6.30 petang kelmarin ketika hadir bagi memberi keterangan di Pejabat SPRM Melaka.

"Suspek dipercayai meminta dan menerima wang daripada pengadu selepas dituduh menjual dadah berupa cecair rokok elektronik atau vape jenis mushroom sedangkan dia tidak pernah berbuat demikian."



PEGAWAI SPRM mengiringi dua suspek di Mahkamah Majistret Ayer Keroh.



*Suspek dipercayai meminta dan menerima wang daripada pengadu selepas dituduh menjual dadah berupa cecair rokok elektronik atau vape jenis mushroom sedangkan dia tidak pernah berbuat demikian"*

#### Sumber

nik atau vape jenis mushroom sedangkan dia tidak pernah berbuat demikian," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan.

Menurutnya, siasatan kes berkenaan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.



# SINAR HARIAN

## 05.06.2025 (KHAMIS)

### SPRM siti RM143 juta aset mewah Tan Sri

Semua keterangan belum dirakam kerana beliau masih berada di wad hospital

KUALA LUMPUR

Jumlah sitaan penyelewengaan dana sukuk pembinaan lebuhraya di Lembah Klang yang dipercayai milik seorang pemegang konseil bergelar Tan Sri kini mencecah kira-kira RM143 juta, hasil daripada operasi yang dijalankan sejak minggu lalu.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Bakri memberitahu, sitaan itu melibatkan 14 akaun individu berjumlah RM4.5 juta, lapan akaun syarikat berjumlah RM33 juta, kondominium mewah dan sebidang tanah bernilai RM24.5 juta, sembilan unit kereta berjumlah RM7.65 juta (13 unit belum diserahkan kepada pasukan siasatan).

Menurut Azam, tunut disita ialah jam tangan mewah bernilai kira-kira RM25 juta, tas tangan (RM3 juta), barang kemas serta berlian (RM6 juta), empat ekor kuda (RM400,000), minuman beralkohol (RM3 juta), aset luar negara yang dinilai lebih daripada RM15 juta serta aktiviti perjudian dianggarkan RM20 juta.

"Siasatan awal mendapati kejadian berlaku antara tahun 2016 hingga 2020 di mana dana sukuk yang diuluskan berjumlah kira-kira RM1.35 bilion melibatkan penyelewengaan tunutan pinjaman kira-kira RM360 juta dan RM416 juta serta pinjaman fasiliti bank lain sebanyak RM50 juta.

"Projek lebuhraya bernilai RM1.67 billion ini juga gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan."

Mahkamah & Jenayah



AZAM

"Siasatan juga menumpukan isu rasuah bernilai RM12 juta yang dibayar kepada pihak tertentu sebagai balasan membantu membuat pengaliran wang keluar dan dikembalikan semula kepada suspek," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada Selasa malam.

Azam berkata, hasil tuntutan dana yang diselweng itu dipercaya turut digunakan dalam aktiviti pengubahan wang haram.

Menurutnya, bagi menyelweng dana-dana berkenaan, pihak-pihak terlibat dipercaya turut menggunakan golongan profesional seperti juruaudit, pakar kewangan, jurutera serta syarikat-syarikat yang bertindak sebagai penerima wang secara berlapis.

"Sehingga kini SPRM belum mengambil keterangan Tan Sri kerana masih berada di wad sebuah hospital swasta dan pegawai siasatan akan mendapatkan pengesahan daripada doktor berkaitan status kesihatan sebelum dilakukan keteranganannya.

"Sementara itu, jumlah keterangan saksi sehingga Rabu masih kekal dengan 45 orang dan saksi-saksi yang telah diambil keterangan sebelum ini telah dipanggil semula untuk memberikan keterangan lanjut," kata bellau.

Azam turut menjelaskan, pasukan siasatan juga sedang mengesan kenderaan mewah dan hartanah Tan Sri di dalam serta luar negara termasuk di London dan Switzerland.

Tambahnya, siasatan kini turut tertumpu kepada nilai sebenar minuman alkohol mewah dalam simpanan Tan Sri dengan kemungkinan wang berkenaan telah dipindahkan ke akaun-akaun lain.

Pada masa sama, tegas Azam, notis perisyiarhan harta juga telah diserahkan kepada Tan Sri tersebut dan pihak yang berkaitan. - Awani

#### ASET MILIK TAN SRI YANG DISITA SPRM KES SELEWENG DANA SUKUK PEMBINAAN LEBUH RAYA

RM143 JUTA

Nilai keseluruhan melibatkan

14 akaun individu	Lapan akaun syarikat	Kondominium mewah dan sebidang tanah
<b>RM4.5 JUTA</b>	<b>RM33 JUTA</b>	<b>RM24.5 JUTA</b>
Jam tangan mewah	Sembilan unit kereta	
<b>RM25 JUTA</b>	<b>RM7.65 JUTA</b>	(13 buah kereta masih belum diserahkan kepada pasukan siasatan)
Barang kemas dan berlian	Empat ekor kuda	Minuman beralkohol
<b>RM6 JUTA</b>	<b>RM400,000</b>	<b>RM3 JUTA</b>
Tas tangan	Aset luar negara dianggarkan lebih	
<b>RM3 JUTA</b>		<b>RM15 JUTA</b>



# SINAR HARIAN

## 06.06.2025 (JUMAAT)

# Laporan integriti bomba dipantau

Sebanyak 42 kes melibatkan pegawai dan anggota diterima sehingga Mei 2025

Oleh ASWANY OMAR  
KOTA BHARU

Unit Integriti Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerima sebanyak 42 aduan berkaitan integriti pegawai dan anggota pasukan itu dalam enam sektor sehingga Mei ini.

Ketua Pengarah JBPM, Datuk Nor Hisham Mohammad berkata, salah laku merupakan sektor tertinggi dengan 22 kes, selain salah guna kuasa (8), skandal atau gangguan seksual dan penguatkuasaan masing-masing empat kes, rasuah (3), dan penyelewengan (1).

Menurut beliau, isu salah laku pula membabitkan pelbagai kategori iaitu disiplin (5), gangguan rumah tangga dan media sosial (3), pinjaman, hidup mewah dan

penipuan (3), vandalisme serta cuai ketika menjalankan tugas (3).

"Kita menerima aduan berkenaan melalui portal e-aduan integriti dan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) dan sudah diambil tindakan terhadap semua perkara yang dibangkitkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Bicara Governans Integriti dan Anti Rasuah (BiGIAR) 2025 di sini pada Khamis.

Beliau memberitahu melalui portal berkenaan, pada 2022, aduan berasas dan tidak berasas ialah sebanyak 84 namun meningkat kepada 87 pada 2023 dan sebanyak 95 aduan tahun lalu.

Jelas beliau, aduan berkaitan perkhidmatan yang diterima pada 2022 ialah 163 manakala pada 2023 ialah 228 dan 523 aduan pula dicatat pada 2024.

"Berdasarkan laporan ini, memang berlaku trend peningkatan, tetapi kita melihat-



Nor Hisham (depan, lima dari kiri) dan peserta memegang plakat *Rasuah Busters* selepas Program BiGIAR 2025, di Kota Bharu pada Khamis.

nya secara positif kerana aduan merupakan satu kaedah untuk mengekang pelanggaran integriti dalam kalangan kakitangan.

"Buktinya pada 2024 sebanyak 55 hukuman tatatertib dikenakan dan menyusut tahun ini kerana sehingga Mei hanya 13 kesalahan direkodkan," katanya.

Nor Hisham menjelaskan jabatan itu sentiasa berusaha sedaya upaya untuk menangani isu integriti dan menyelesaikannya dengan pendekatan terbaik.



# SINAR HARIAN

## 11.06.2025 (RABU)

**Rasuah lebuh raya: SPRM rekod keterangan Tan Sri hari ini**

Individu bergelar Tan Sri akan hadir ke Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya pada Rabu bagi direkod keterangan berhubung kes penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang.

- Gambar hiasan

**SHAH ALAM** - Seorang individu ber gelar Tan Sri yang disiasat berhubung kes penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang akan direkod keterangan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Rabu.

Menurut sumber, pemegang kon sesi lebuh raya berkenaan akan hadir ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Ya, disahkan beliau akan hadir pada Rabu, jam 9 pagi.

"Beliau sudah keluar dari hospital selepas selesai menjalani rawatan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, pemegang kon sesi lebuh raya itu merupakan saksi utama dalam siasatan kes terbabit.

Media sebelum ini melaporkan 45 saksi yang sudah diambil keterangan sebelum ini bagi membantu siasatan, telah dipanggil semula untuk memberikan maklumat tambahan.

Pada 3 Jun lalu, SPRM menyenaraikan harta dengan keseluruhan sitaan berjumlah kira-kira RM143 juta, dirampas dalam siasatan penyelewangan sukuk untuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang mem babitkan seorang kenamaan bergelar Tan Sri.

Pasukan siasatan SPRM juga sedang mengesan kenderaan mewah dan harta milik Tan Sri terbabit di dalam serta luar negara termasuk di London dan Switzerland.

Jumlah terkini sitaan membabitkan 14 akaun individu berjumlah RM4.5 juta, iapan akaun syarikat ber jumlah RM33 juta, kondominium me wah dan sebidang tanah bernilai RM24.5 juta, sembilan unit kereta berjumlah RM7.65 juta.

Turut disita ialah jam tangan me wah bernilai RM25 juta, tas tangan (RM3 juta), barang kemas serta berlian (RM6 juta) dan empat ekor kuda (RM400,000) selain minuman ber alkohol (RM3 juta), aset luar negara yang dinilai lebih RM15 juta serta aktiviti perjudian kira-kira RM20 juta.

*Sinar Harian* - 11/6/25 - Rabu



# BERITA HARIAN

## 11.06.2025 (RABU)

Kes penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya

# SPRM dijangka soal siasat Tan Sri hari ini

Individu sudah  
dibenarkan keluar  
hospital setelah  
jalani rawatan

Oleh Austin Cameens  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tan Sri yang dikaitkan dengan kes penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang bernilai RM360 juta dijangka disoal siasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini.

Sebelum ini, pegawai siasatan SPRM dilaporkan sudah mendapat pengesahan daripada doktor berkaitan status kesihatan Tan Sri terbabit sebelum dirakamkan keterangannya. Setakat ini, 45 saksi yang diambil keterangan bagi membantu siasatan, sudah dipanggil semula untuk memberikan maklumat tambahan.

Pada 3 Jun lalu, SPRM meny-

Sumber berkata SPRM akan merakam keterangan individu terbabit di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.

"Ya, dia akan hadir pada jam 9 pagi esok (hari ini). Dia telah dibenarkan keluar dari hospital selepas menjalani rawatan," kata sumber.

naraikan harta dengan keseluruhan berjumlah kira-kira RM143 juta, dirampas dalam siasatan penyelewengan sukuk untuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang membabitkan seorang kenamaan bergelar Tan Sri.

Media sebelum ini melaporkan pasukan siasatan SPRM juga sedang mengesan kenderaan mewah dan harta tanah milik Tan Sri terbabit di dalam serta luar negara termasuk di London dan Switzerland.

Siasatan SPRM juga membawa kepada penemuan simpanan arak mewah dalam simpanan Tan Sri berkenaan yang nilainya

mencecah RM3 juta.

Pada masa sama, notis pengisyitiaran harta juga telah diserahkan kepada Tan Sri berkenaan dan pihak yang berkaitan.

Jumlah terkini sitaan membabitkan 14 akaun individu berjumlah RM4.5 juta, lapan akaun syarikat berjumlah RM33 juta, kondominium mewah dan sebidang tanah bernilai RM24.5 juta dan sembilan unit kereta berju-



Tan Sri dikaitkan dengan kes penyelewengan dana sukuk lebuh raya dijangka hadir ke Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya, hari ini.



# SINAR HARIAN

## 12.06.2025 (KHAMIS)

### Bekas pendaftar universiti dituduh palsukan 36 dokumen bernilai RM800,000

KUALA LUMPUR – Bekas pendaftar sebuah universiti swasta di Perlis mengaku tidak bersalah atas 36 pertuduhan memalsukan dokumen bagi mengeluarkan wang lebih RM800,000 milik pusat pengajian tinggi terbabit di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu.

Mohd Fairuz Al-Fatah Badarudin, 40, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang juga bekas pegawai khas universiti berkenaan didakwa memalsukan dokumen 'Authorisation Letter' berjumlah RM826,481.29 bagi tujuan menipu.

Kesalahan didakwa dilakukan di sebuah bank di Jalan Raja Chulan di sini antara 20 Jun 2022 hingga 10 Julai 2023.

Dia didakwa mengikuti Seksyen 468 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman pen-

jara maksimum tujuh tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Ketika prosiding, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ahmad Fariz Abdul Hamid mencadangkan tertuduh diikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin.

Bagaimanapun, peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), G Sivajothi Pillai yang mewakili tertuduh, merayu anak guamnya diberi jaminan pada kadar minimum.

Menurutnya, Mohd Fairuz kini bekerja sebagai pensyarah di sebuah institusi latihan penerbangan perlu menyara dua anak kembar berusia 10 tahun sementara isterinya tidak bekerja selepas patah kaki kiri akibat kemalangan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000.



# SINAR HARIAN

## 12.06.2025 (KHAMIS)

# Rasuah lebuh raya: SPRM rekod keterangan Tan Sri

Proses merakam keterangan dilakukan 2 pegawai SPRM selama 6 jam

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
SHAH ALAM

Keterangan individu bergelar Tan Sri bermhubung kes penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya sudah direkodkan pada Rabu.

Difahamkan, proses merakam keterangan diambil dua pegawai penyiasat SPRM berlangsung di kediaman individu terbabit di Bandar Tasik Selatan di ibu negara selama enam jam bermula jam 9 pagi.

Bagaimanapun atas faktor kesihatan, proses merakam keterangan ditamatkan dan selesai pada jam 3 petang dan akan disambung semula hari ini.

"Setakat ini, seramai 51 saksi sudah diambil keterangan termasuk Tan Sri terbabit dan ahli keluarganya.

"Proses sama akan bersambung esok (Khamis)," kata sumber.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya

Mahkamah & Jenayah



SPRM mengesahkan mula merakam keterangan seorang Tan Sri di kediamannya di ibu negara.  
- Gambar hiasan

SPRM, Tan Sri Azam Bakri dilaporkan berkata, pemegang konsesi lebuh raya itu merupakan saksi utama siasatan kes dana terbabit.

Media sebelum ini melaporkan seramai 45 saksi diambil keterangan bagi membantu siasatan, dipanggil semula bagi mendapatkan maklumat tambahan.

Pada 3 Jun lalu, SPRM menyenaraikan harta dengan keseluruhan sitaan berjumlah kira-kira RM143 juta dirampas dalam siasatan penyelewangan sukuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang membabitkan seorong kenamaan bergelar Tan Sri. Pasukan siasatan SPRM juga se-

dang mengesan kenderaan mewah dan hartanah milik Tan Sri terbabit di dalam serta luar negara termasuk di London, UK dan Switzerland.

Antara sitaan membabitkan 14 akaun individu berjumlah RM4.5 juta, lapan akaun syarikat berjumlah RM33 juta, kondominium mewah dan tanah (RM24.5 juta) serta sembilan kenderaan berjumlah RM7.65 juta.

Turut disita jam tangan mewah bernilai kira-kira RM25 juta, tas tangan (RM3 juta), barang kemas serta berlian (RM6 juta) dan empat kuda berharga RM400,000 selain minuman beralkohol bernilai RM3 juta, aset luar negara dinilai lebih daripada RM15 juta serta aktiviti perjudian dianggarkan kira-kira RM20 juta.



# SINAR HARIAN

## 14.06.2025 (SABTU)

### Seleleweng dana: SPRM tahan pengerusi NGO

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor menahan reman seorang pengerusi sebuah badan bukan kerajaan (NGO) kerana disyaki menyalah guna kuasa dengan menyeleweng dana milik badan itu.

Majistret Sivashangari Nagalingam membenarkan suspek tetapi direman selama tujuh hari sehingga 19 Jun depan selepas permohonan dibuat oleh SPRM di Mahkamah Majistret 1, Kompleks Mahkamah Melaka, pada Jumaat.

Menurut sumber, suspek yang

berusia dalam lingkungan 30-an telah ditahan kira-kira jam 6.30 petang, Khamis ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Melaka.

"Semalam (Khamis), SPRM telah menahan reman empat individu kerana disyaki terbabit dalam salah guna kuasa dengan menyeleweng dana milik NGO di tempat mereka bekerja.

"Susulan itu, SPRM telah mendapat maklumat tambahan bahawa pengerusi ini bersubahat dengan keempat-empat suspek terbabit," katanya pada Jumaat.

Tambah sumber, suspek disyaki melakukan perbuatan tersebut antara tahun 2015 hingga 2025.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Hairuzam Mohmad Amin@Hamim ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap suspek dan berkata kes disiasat dibawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Pada Khamis, SPRM menahan reman empat individu termasuk tiga ahli NGO, dengan sitaan melibatkan wang tunai serta aset bernilai kira-kira RM8 juta.



Suspek (tengah) ditahan pada Khamis ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Melaka.



# HARIAN METRO

## 14.06.2025 (SABTU)

Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**U**mipama ‘harta karun’ apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita barang mewah bernilai kira-kira RM16 juta, termasuk jongkong emas, berlian dan alatan kasino, dalam siasatan penyelewengan dana suuk pembinaan lebuh raya.


Bahagian Komunikasi Strategik SPM dalam keadaan semalam, memaklumkan sitaan dilakukan susulan penggeledahan di kediaman seorang individu bergelar Tan Sri di Bandar Tasik Selatan, Cheras di sini, kelmarin.

Katanya, antara barang yang disita termasuk 84 beg mewah bernilai kira-kira RM4 juta; 11 unit jam tangan berjenama berjumlah kira-kira RM1 juta; serta jongkong, syiling dan patung emas bernilai kira-kira RM3 juta.

“Selain itu, berlian dan barang kemas bernilai kira-kira RM4 juta dan satu set alatan kasino berjenama mewah yang dianggarkan bernilai RM150,000 turut disita.

“SPRM turut menemui sebuah bilik rahsia kebal yang juga tempat simpanan senjata dan peluru namun tiada sitaan dilakukan kerana senjata berkenaan didaftarkan atas nama syarikat keselamatan milik individu terbabit,” katanya.

Tambah kenyataan itu, SPM kelmarin, menggunakan bantuan anggota pasukan taktikal Anti Corruption Tactical Squad (ACTS) dalam proses merakam keterangan Tan Sri terbabit kerana mengesyaki wujud bilik rahsia menyimpan senjata di kediaman berkenaan.



ANTARA barang mewah bernilai kira-kira RM16 juta, termasuk jongkong emas berlian dan alatan kasino yang disita SPM.

### SIASATAN PENYELEWENGAN DANA SUKUK PEMBINAAN LEBUH RAYA

## SPRM SITA ‘HARTA KARUN’ RM16J

“SPRM mendapat maklumat terdapat bilik rahsia yang menyimpan barang berharga termasuk senjata yang berkaitan dengan siasatan penyelewangan dana suuk pembinaan lebuh raya di kediaman individu ini.

“Kehadiran pasukan ACTS

adalah bertujuan menjaga keselamatan dan mengiringi pegawai serta barang-barang yang disita bagi dibawa pulang ke Ibu Pejabat SPM, Putrajaya,” katanya.

Sementara itu, Ketua Persuruhjaya SPM Tan Sri Azam Bakri mengesahkan keseluruhan penggeledahan dan sitaan semalam berjumlah kira-kira RM16 juta.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan akan ada lagi sitaan dilakukan.

“Proses rakaman keterangan individu tersebut ditangguhkan pada satu tarikh lain disebabkan faktor kesihatan individu terbaik,” katanya.

Azam tidak menolak kemungkinan akan ada lagi sitaan dilakukan



# BERITA HARIAN

## 14.06.2025 (SABTU)

# Pengerusi NGO direman 7 hari disyaki salah guna kuasa, seleweng dana

**Kuala Lumpur:** Seorang pengerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) direman tujuh hari sehingga 19 Jun ini bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan salah guna kuasa dan penyelewengan dana NGO.

Susulan tangkapan itu, SPRM menyita wang tunai berjumlah RM900,000 dan membekukan 14 akaun terdiri daripada lapan akaun individu serta enam akaun syarikat, dengan jumlah keseluruhan kira-kira RM5 juta.

Sumber berkata, suspek ditanah sekitar jam 6.30 petang kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM, Melaka.

"Semalam, SPRM menahan reman empat individu kerana disyaki terbabit salah guna kuasa dengan menyeleweng dana milik NGO di tempat mereka bekerja.

"Susulan tangkapan itu, SPRM sudah mendapat maklumat tambahan bahawa pengerusi ini telah bersubahat dengan keempat-empat suspek terbabit," katanya.

Sumber memaklumkan, perbuatan itu disyaki dilakukan an-



Suspek kes seleweng dana dibawa ke Mahkamah Majistret 1, Kompleks Mahkamah Melaka, semalam.

(Foto ihsan SPRM)

tara tahun 2015 hingga 2025.

Perintah reman terhadap suspek lelaki berusia lingkungan 30-an itu dikeluarkan Majistret Sivashangari Nagalingam selepas permohonan SPRM dikemukakan di Mahkamah Majistret 1, Kompleks Mahkamah Melaka, pagi semalam.

Sementara itu, Pengarah

SPRM Selangor, Hairuzam Mohamad Amin@Hamim, ketika dihubungi, mengesahkan tangkapan terhadap suspek.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Kelmarin, media melaporkan SPRM menahan reman empat individu termasuk tiga ahli jawa-

tankuasa sebuah NGO kerana disyaki bersubahat menyeleweng aset dan wang tunai berjumlah RM8 juta.

Keempat-empat suspek yang terdiri daripada dua lelaki dan dua wanita berusia lingkungan 30-an telah ditahan antara jam 4 petang hingga 7 malam Rabu lalu.



# SINAR HARIAN

## 15.06.2025 (AHAD)

# SPRM sita aset RM141 juta, jejak lagi RM15 juta

Susulan siasatan kes penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
SHAH ALAM

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menyita aset dalam negara bernilai RM141 juta, manakala RM15 juta aset di luar negara sedang dikesan untuk siasatan kes penyelewangan dana sukuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang yang dipercayai milik seorang individu bergelar Tan Sri.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri berkata, pecahan siasaan itu antaranya membabitkan akaun individu RM4.5 juta, akaun syarikat RM33 juta, kondominium mewah dan tanah RM24.5 juta, jam tangan mewah RM26 juta, sembilan unit kereta mewah RM7.65 juta dan barang kemas serta berlian RM10 juta.

Menurutnya, barang lain yang disita adalah tas tangan mewah RM6 juta, jongkong, patung emas dan syiling emas yang dianggarkan bernilai RM3 juta serta empat ekor kuda bernilai RM400,000.

"Aset-aset di luar negara yang dianggarkan berjumlah RM15 juta sedang di dalam proses pengesanan oleh pihak SPRM.

"Selain itu antara penggunaan wang hasil daripada aktiviti haram membabitkan minuman beralkohol dan aktiviti perjudian ialah RM25 juta," ujarnya.

Jelas beliau, nilai keseluruhan aset



Antara barang mewah milik seorang individu bergelar Tan Sri yang disita SPRM.

dan transaksi yang telah dikesan dalam penyalahgunaan dana sukuk itu berjumlah RM156 juta.

Tambahnya, SPRM sedang bekerjasama dengan badan autorti seperti Bank Negara Malaysia dan Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan maklumat aset dan hartanah luar negara.

Katanya lagi, setakat ini proses rakaman percakapan terhadap Tan Sri terbabit masih belum selesai dan akan disambung 19 Jun depan.

"Sehingga hari ini (Sabtu) seramai 54 orang sudah dirakam percakapan bagi membantu siasatan," jelasnya.

Sebelum ini, Azam dilaporkan berkata, pemegang konsesi lebuh raya itu merupakan saksi utama dalam siasatan kes terbabit.

Siasatan awal mendapati kejadian berlaku antara tahun 2016 hingga 2020 yang mana dana sukuk yang diluluskan berjumlah kira-kira RM1.35 billion membabitkan penyelewengan tuntutan palsu yang bernilai kira-kira RM360 juta

### ASET DISITA

- Akaun individu = RM4.5 juta
- Akaun syarikat = RM33 juta
- Kondominium mewah dan tanah = RM24.5 juta
- Jam tangan mewah = RM26 juta
- Sembilan unit kereta mewah = RM7.65 juta
- Barang kemas dan berlian = RM10 juta
- Tas tangan mewah = RM6 juta
- Jongkong, patung emas dan syiling emas = RM3 juta
- Empat ekor kuda = RM400,000

dan RM416 juta serta pinjaman fasiliti bank lain sebanyak RM50 juta.

Projek lebuh raya bernilai RM1.67 billion ini juga gagal disiapkan dalam tempoh ditetapkan dan siasatan juga menumpukan isu rasuah bernilai RM12 juta yang dibayar kepada pihak tertentu sebagai balasan membantu membuat pengaliran wang keluar dan dikembalikan semula kepada suspek.



# BERITA HARIAN

## 15.06.2025 (AHAD)

Kes penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya

# SPRM masih kesan aset di luar negara RM15 juta

Agensi kerjasama dengan Bank Negara, Jabatan Peguam Negara untuk dapatkan maklumat

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih mengesan aset di luar negara bernilai kira-kira RM15 juta, selepas menyita pelbagai harta tanah dan aset di dalam negara berjumlah RM141 juta, dikaitkan dengan penyelewengan dana sukuk bagi pembinaan lebuh raya di Lembah Klang.

"Bagaimanapun, aset di luar negara yang dianggarkan berjumlah RM15 juta dalam proses pengesan oleh SPM." SPRM kini bekerjasama de-

Dana di negara asing itu dipercayai ada kaitan dengan pemegang konsepsi lebuh raya berlabel Tan Sri yang kini dalam siasatan SPM.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri, berkata aset disita itu membabitkan akaun individu RM4.5 juta, akaun syari'at RM33 juta, kondominium mewah dan tanah RM24.5 juta, jam tangan mewah RM26 juta, sembilan unit kereta mewah RM7.65 juta dan barang kemas serta berlian RM10 juta.

Beliau berkata, barang lain yang sudah disita ialah tas tangan mewah RM6 juta, jongkong, patung emas dan syiling emas yang dianggarkan bernilai RM3 juta, empat ekor kuda bernilai RM400,000.

"Beliau berkata, barang lain yang sudah disita ialah tas tangan mewah RM6 juta, jongkong, patung emas dan syiling emas yang dianggarkan bernilai RM3 juta, empat ekor kuda bernilai RM400,000.

"Beliau berkata, setakat ini pro-

Berlian, patung emas antara harta RM16j milik Tan Sri disita SPM



Keratan akhbar BH, semalam.

ngan badan autoriti seperti Bank Negara dan Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan maklumat aset dan harta tanah luar negara," katanya ketika dihubungi semalam.

Azam berkata, antara penggunaan wang hasil daripada kegiatan haram membabitkan minuman beralkohol dan aktiviti perjudian RM25 juta.

Katanya, nilai keseluruhan aset dan transaksi yang dikesan dalam penyalahgunaan dana sukuk itu berjumlah RM156 juta.

"Beliau berkata, setakat ini pro-

ses rakaman percakapan terhadap Tan Sri terbabit belum selesai dan disambung 19 Jun ini.

"Sehingga hari ini (semalam), seramai 54 orang sudah dirakam percakapan bagi membantu siasatan," katanya.

### Siasat isu rasuah RM12j

Siasatan awal mendapati kejadian berlaku di antara tahun 2016 hingga 2020, iaitu dana sukuk yang diluluskan berjumlah kira-kira RM1.35 bilion membabitkan penyelewengan tuntutan palsu bernilai kira-kira RM360 juta dan RM416 juta serta pinjaman bank lain sebanyak RM50 juta.

Projek lebuh raya yang bernilai RM1.67 bilion ini juga gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan siasatan juga menumpukan isu rasuah bernilai RM12 juta yang dibayar kepada pihak tertentu sebagai balasan membantu membuat pengaliran wang keluar dan dikembalikan

Azam Bakri,  
Ketua  
Pesuruhjaya  
SPRM



semula kepada suspek.

Bulan lalu, media melaporkan empat individu termasuk seorang Datuk Seri ditahan kerana disyaki membuat tuntutan palsu berjumlah kira-kira RM360 juta.

Keempat-empat suspek disyaki mengemuka tuntutan palsu bernilai kira-kira RM360 juta menggunakan dana sukuk dalam sebuah projek pembinaan lebuh raya di Lembah Klang yang bernilai kira-kira RM1.3 bilion di antara 2016 hingga 2017.



# SINAR HARIAN

## 17.06.2025 (SELASA)

# NGO seleweng dana sumbangan RM26 juta

Kegiatan terbongkar susulan penahanan lima suspek, aset lebih RM8 juta turut disita

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
SHAH ALAM

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya membongkar kegiatan periyelwengan dana sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hasil sumbangan orang ramai dipercayai melibatkan jumlah kira-kira RM26 juta.

Sumber mendedahkan kegiatan menyeleweng dana itu terbongkar susulan tangkapannya lima suspek termasuk pengurus, setiausaha, bendahari dan pegawai kewangan sebuah pertubuhan menerusi Op Serantau di beberapa lokasi sekitar Selangor, Melaka serta Pulau Pinang bermula Khamis lalu.

Katanya, lima suspek terbabit kini direman selama tujuh hari iaitu empat daripadanya direman sehingga Rabu dan seorang lagi sehingga Khamis.

"Modus operandi untuk menyeleweng dana ini hampir sama seperti yang berlaku dengan pertubuhan Aman Palestin apabila mereka memindahkan wang ke dalam akaun peribadi selain bagi membeli barang kemas, kereta, tanah serta rumah termasuk



Individu yang ditahan kini direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan.

### Mahkamah & Jenayah

membeli mata wang kripto. "Mereka juga dipercayai telah memindahkan dana pertubuhan ke akaun peribadi bagi memberi pinjaman kepada kakitangan pertubuhan terbabit selain menggelapkan wang lebih projek pembinaan telaga bagi misi kemanusiaan di Syria untuk kegunaan sendiri," katanya.

Tambah sumber, kegiatan menyeleweng dana hasil sumbangan orang ramai itu dipercayai berlaku bermula tahun 2015 sehingga sekarang.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri ketika diberi tahu mengesahkan penangkapan tersebut.

Jelasnya, susulan operasi itu, SPRM menyita pelbagai aset berjumlah lebih RM8 juta iaitu barang kemas dianggarkan bernilai RM100,000, wang tunai berjumlah

### INFO ASET NGO DISITA

Barang kemas = **RM100,000**

Wang tunai = lebih **RM 1 Juta**

Akaun kripto = **RM650,000**

Empat unit rumah = **RM1.4 Juta**

14 akaun perbankan dibekukan

= hampir **RM5 juta**

lebih RM 1 juta, akaun kripto kira-kira RM650,000 dan empat unit rumah dianggarkan bernilai lebih RM1.4 juta

"SPRM juga telah membekukan 14 akaun perbankan melibatkan jumlah hampir RM5 juta bagi tujuan siasatan lanjut," katanya.



# SINAR HARIAN

## 17.06.2025 (SELASA)

### Kes Muhyiddin dipindah ke Mahkamah Tinggi

**KUALA LUMPUR** – Pengurus Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berjaya dalam permohonannya untuk memindahkan empat kes menggunakan kedudukan untuk suapan sebanyak RM232.5 juta dan tiga pengubahan wang haram (AMLA) mencapai RM200 juta ke

Mahkamah Tinggi di sini pada Isnin.

Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin memutuskan demikian selepas mendapat permohonan Muhyiddin, 78, telah memenuhi ambang supaya kesnya dipindahkan dan dibicarakan di bawah Seksyen 417 (1)(b) Kanun Tatacara Jenayah (CPC).

Beliau berkata, tiga persoalan undang-undang yang akan berbangkit Presiden Bersatu itu selaku



MUHYIDDIN

pemohon, merupakan isu yang luar biasa sukarnya.

"Bagaimanapun, lebih bermanfaat untuk Mahkamah Tinggi mendengar dan menentukan tiga persoalan undang-undang tersebut, jadi saya membentarkan perenggan satu notis usul pemohon," katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan 14 Julai depan untuk pengurusan kes berkenaan.

Dalam prosiding ini, Muhyiddin diwakili peguam, Datuk Hisyam Teh Poh Teik sementara Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin hadir sebagai responden.

Selepas prosiding kes, Wan Shaharuddin memaklumkan, pendakwaan akan memfailkan rayuan terhadap keputusan berkenaan.

Pada 4 April lalu, Ahli Parlimen Pagoh itu mengemukakan permohonan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi dengan alasan ia melibatkan persoalan dan isu undang-undang yang boleh menimbulkan kesulitan luar biasa di sisi undang-undang.

Muhyiddin sebagai Perdana Menteri (ketika itu) dan Presiden Bersatu didakwa atas empat pertuduhan menggunakan kedudukan beliau untuk suapan berjumlah RM232.5 juta berkaitan Projek Jana Wibawa daripada tiga syarikat iaitu Bukhary Equity Sdn Bhd, Nepturis Sdn Bhd dan Mamfor Sdn Bhd serta Datuk Azman Yusoff bagi parti berkenaan.

Beliau juga berdepan tiga pertuduhan menerima wang hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM200 juta daripada Bukhary Equity Sdn Bhd yang dimasukkan ke akaun Ambank dan CIMB Bank milik Bersatu.



# SINAR HARIAN

## 17.06.2025 (SELASA)

### Rasuah lebuh raya: SPRM sambung rakam keterangan Tan Sri Khamis ini

**SHAH ALAM** - Keterangan pemegang konsesi lebuh raya bergelar Tan Sri yang disiasat kes penyelewengan dana sukuk pembinaan lebuh raya di Lembah Klang akan diambil semula pada Khamis ini.

Difahamkan, keterangan kali ketiga itu akan diambil bermula jam 9 pagi dan dilakukan di kediamannya di Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur.

Perkara itu disahkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Bakri.

"Keterangan individu bergelar Tan Sri itu akan diambil di kediamannya," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Pada Rabu dan Khamis lalu, SPRM hadir ke kediaman Tan Sri terbabit untuk proses

merakam keterangan.

Pasukan Taktikal SPRM (ACTS) turut digunakan dalam proses penggeledahan kediaman terbabit kerana diisyaki menyimpan senjata.

Sabtu lalu, *Sinar Harian* melaporkan SPRM telah menyita aset dalam negara bernilai RM141 juta manakala RM15 juta aset di luar negara sedang dikesan.

Projek lebuh raya yang bernilai RM1.67 bilion ini juga gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan siasatan juga menumpukan isu rasuah bernilai RM12 juta yang dibayar kepada pihak tertentu sebagai balasan membantu membuat pengaliran wang keluar dan dikembalikan semula kepada suspek.



# BERITA HARIAN

## 17.06.2025 (SELASA)

### Jurutera mengaku tak salah terima suapan RM100,000

**Kota Bharu:** Jurutera didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, terhadap 14 pertuduhan menerima suapan bernilai RM100,000 di antara Disember 2022 sehingga Oktober 2023.

Azly Abdul Aziz, 44, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai Jurutera Awam Ja-

batan Kerja Raya (JKR) didakwa menerima suapan, iaitu wang tunai di antara RM5,000 hingga RM10,000 dengan jumlah keseluruhan RM100,000 daripada kontraktor berusia 70 tahun secara pemindahan dalam talian melalui akaun CIMB Islamic Bank Berhad milik Afiq Aziz Enterprise sebagai upah mengesyorkan perakuan tuntutan bayaran interim bagi projek Lingkaran

Tengah Utama Pakej 3 Gua Mu-sang, Kelantan ke Kampung Re-long, Pahang.

Pertuduhan itu didakwa dilakukan di CIMB Islamic Bank Berhad cawangan Jalan Maju, di sini, di antara 22 Disember 2022 sehingga 31 Oktober 2023.

Pertuduhan didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhan-jaya Pencegahan Rasuah Mala-yisia (SPRM) [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPM, Tengku Nurul Haziqah Tuan Ya-cob, manakala tertuduh diwakili peguam Azeesi Nordin.

Terdahulu, Tengku Nurul Ha-ziqah mencadangkan jaminan RM20,000 untuk semua pertuduhan.

Azeesi bagaimanapun memo-hon jaminan dikurangkan kepada RM8,000 kerana anak guamnya perlu menyara isteri dan empat anak serta kini menjadi pemandu grab dan menjual sabun.

Mahkamah kemudian memb-narkan tertuduh diikat jamin se-banyak RM12,000 dengan se-orang penjamin dan menetapkan 17 Julai depan sebagai sebutan semula kes.



Azly dibawa ke di Mahkamah Sesyen di Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



# HARIAN METRO

## 17.06.2025 (SELASA)

Oleh Muhaamad  
Hafis Nawawi  
mhafis@mediapri-  
ma.com.my

Kuala Lumpur

Lima individu termasuk pengurus, setiausaha, bendahari dan pegawai kewangan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ditahan bagi membantu kes seleweng dana orang ramai berjumlah RM26 juta, termasuk wang lebihan bagi membina telaga bagi misi kemanusiaan di Syria.

Bukan itu saja, malah mereka turut disyaki menggunakan wang itu untuk membeli barang kemas, kereta, tanah, rumah selain mata wang kripto.

Terdahulu, dana itu dipindahkan ke akaun peribadi untuk kegunaan terbabit dan semua individu terbabit ditahan menerusi Op Serantau dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor.

Sumber berkata, serbuan dibuat di beberapa lokasi di sekitar Selangor, Melaka dan Pulau Pinang bermula Khamis lalu.

"Lima individu terbabit direman tujuh hari iaitu empat daripadanya direman sehingga esok dan seorang lagi sehingga Khamis ini.

"Taktik untuk menyeleweng dana itu hampir sama seperti yang dilakukan sebuah lagi NGO (sudah diketahui tindakan) yang mana individu berkaitan memindahkan wang ke akaun peribadi, selain menggunakan untuk



WANG tunai yang dirampas menerusi Op Serantau dijalankan SPRM Selangor.

## Songlap dana RM26j!

Lima individu sebuah NGO ditahan babit kes seleweng sumbangan bina telaga di Syria

membeli barang kemas, lebihan projek pembinaan kereta, tanah dan rumah.

**“SPRM juga menyita pelbagai aset berjumlah lebih RM8 juta**  
Azam

Mereka juga dipercayai memindahkan dana pertubuhan ke akaun peribadi bagi memberi pinjaman kepada kakitangan pertubuhan terbabit, selain menggelapkan wang

telaga bagi misi kemanusiaan di Syria untuk kegunaan sendiri," katanya. Menurut sumber, kegiatan menyeleweng dana hasil sumbangan orang ramai itu dipercayai berlaku sejak 2015 hingga

sekarang.

Sementara itu, Ketua Pensuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi, mengesahkan penahanan berkenaan.

"SPRM juga menyita pelbagai aset berjumlah lebih RM8 juta membabitkan wang lebih RM1 juta, barang kemas bernilai kira-kira RM100,000, akaun kripto bernilai kira-kira RM650,000 dan empat rumah bernilai lebih RM1.4 juta.

"Pada masa sama, SPRM turut membukukan 14 akaun bank membabitkan jumlah hampir RM5 juta. Kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keeganasan dan Hasil dari pada Aktiviti Haram 2001 (AMLATPUA 2001)," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan, SPRM menahan empat individu, termasuk tiga ahli jawatan kuasa sebuah NGO kerana disyaki bersubhat menyeleweng dana milik NGO di tempat mereka bekerja.

Menurut sumber, individu itu, terdiri daripada dua lelaki dan dua wanita berusia lingkungan 30-an, ditahan antara jam 4 petang hingga jam 7 malam ketika hadir memberieterangan di pejabat SPRM, Melaka.

Susulan itu, SPRM menahan pengurus NGO itu yang berusia 30-an kerana disyaki menyalah guna kuasa dengan menyeleweng dana milik NGO tempatnya bekerja.



# SINAR HARIAN

## 17.06.2025 (SELASA)



Tertuduh (kanan) diiringi pegawai SPRM untuk pembayaran ikat jamin selepas pendakwaan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu pada Isnin.

### Jurutera awam JKR didakwa 14 pertuduhan rasuah

**KOTA BHARU** - Seorang jurutera awam JKR dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas 14 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM100,000 antara 22 Disember 2022 hingga 31 Oktober 2023.

Tertuduh, Muhamad Azly Abdul Aziz, 44, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menerima wang daripada seorang individu sebagai dorongan untuk mencadangkan pensijilan tuntutan interim bagi Projek Central

Spine Road (CSR) melibatkan Pakej 3 dari Gua Musang ke Kampung Relong, Pahang; Seksyen 3D dari Bulatan Gua Musang ke Mentara; serta Seksyen 3B dan 3C dari KM180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang.

Bapa kepada empat anak itu didakwa menerima 14 transaksi pindahan wang secara dalam talian ke akaun milik sebuah syarikat yang dilakukan di sebuah bank di Jalan Maju, Kota Bharu, antara 22 Disember 2022 hingga 31 Oktober 2023.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Tengku

Nurul Haziqah Tuan Yacob, manakala tertuduh diwakili peguam Azeezi Nordin.

Sebelum itu, pihak pendakwaan mencadangkan ikat jamin sebanyak RM20,000, namun peguam bela memohon jumlah diturunkan kepada RM8,000 memandangkan tertuduh kini sedang bercuti tanpa gaji.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM12,000 dengan seorang penjamin.

Hakim kemudian menetapkan 17 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



# HARIAN METRO

## 17.06.2025 (SELASA)

### Pengerusi, setiausaha direman enam hari seleweng RM50,000

**Melaka:** Pengerusi dan setiausaha sebuah persatuan rumah ibadat di negeri ini direman enam hari di Mahkamah Majistret Ayer Keroh, semalam bagi membantu siasatan kes menyeleweng wang organisasi itu berjumlah RM50,000 tahun lalu.

Majistret Uthman Abd Ghani membenarkan suspek berusia 61 dan 75 tahun direman enam hari hingga 23 Jun selepas dipohon pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka bagi membantu siasatan.

Menurut sumber kedua-dua suspek ditahan kira-kira jam 11.45 pagi

kelmarin ketika memberi keterangan di Pejabat SPM Melaka.

Katanya, mereka diperlakukan dengan menyalahgunakan kuasa dan kedudukan dengan mengeluarkan wang persatuan berjumlah RM50,000.00 tanpa kelulusan atau pembentangan dalam mesyuarat ahli jawatankuasa.

"Difahamkan wang itu juga digunakan untuk tujuan peribadi pada tahun lalu," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan reman itu namun tidak mengulas lanjut kerana kes masih dalam siasatan.

H/Metro 17/6/25



# BERITA HARIAN

## 18.06.2025 (RABU)

Guna dana jabatan RM50 juta 'main' saham

## Bekas pengarah jabatan kewangan PBT direman

**Melaka:** Bekas pengarah di jabatan kewangan sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini, semalam, direman tujuh hari selepas disyaki menggunakan dana jabatan itu berjumlah RM50 juta untuk membuat pelaburan saham.

Perintah reman terhadap suspek, 57, dikeluarkan Majistret N Sivashangari susulan permohonan dibuat pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi melengkapkan siasatan kes.

Kelmarin, media melaporkan suspek ditahan kira-kira jam 1 tengah hari kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Melaka.

### Guna dana tanpa kelulusan

Suspek disyaki melakukan perbuatan itu antara 2020 hingga 2023 dengan melantik isterinya yang bekerja di sebuah bank sebagai ejen bagi pelaburan saham berjumlah kira-kira RM50 juta.

Siasatan awal mendapati sus-



Suspek diiringi pegawai SPRM tiba Kompleks Mahkamah Melaka, semalam.  
(Foto Meor Riduan Meor Ahmad/BH)

pek menggunakan dana wang awam dan juga wang amanah itu tanpa kelulusan pegawai pengawal kewangan.

Pengarah SPRM Melaka, Adi

Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



# HARIAN METRO

## 18.06.2025 (RABU)

**Melaka:** Seorang bekas pengarah Jabatan Belia dan Sukan Melaka mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini semalam atas pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu dan menerima rasuah berjumlah RM134,100, dua tahun lalu.

Pengakuan Khairul Adri Rosli, 51, direkodkan di hadapan Hakim Elesabet Pa-ya Wan.

Khairul Adri dituduh mengemukakan baucar pembayaran berjumlah RM126,100 bagi kerja membekal dan memasang *concrete imprint* di kehiling laluan gelanggang tenis serta petanque di Kompleks Belia dan Sukan Me-

## Bekas pengarah JBS Melaka nafi tuntutan palsu, terima RM134,100

laka yang diketahui mengandungi butiran palsu kerana tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi sebut harga.

Kesalahan itu didakwa dilakukan pada 8 Disember 2023 di pejabat Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Melaka, di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah seksyen 24(2) akta sama, memperuntukkan hukuman penjara maksि-

mum 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali nilai terlibat, yang mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Selain itu, Khairul Adri turut didakwa atas empat pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM8,000 daripada seorang pemilik syarikat yang mempunyai kaitan dengan tugas rasminya, antara 25 September 2023 dan 25 Jun tahun lalu di sekitar daerah Melaka Tengah.

Mengikut pertuduhan, dia dituduh menerima

wang tunai RM2,000 bagi setiap kesalahan, yang berkaitan dengan kerja me-naik taraf gelanggang tenis dan petanque di kompleks sukan berkenaan, serta perkhidmatan pembersihan bangunan dan landskap Kompleks Sukan Masjid Tanah.

Bagi kesalahan itu, pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.



# HARIAN METRO

## 18.06.2025 (RABU)

### Bekas pengarah kewangan PBT direman salah guna dana RM50j

MELAKA - Bekas pengarah sebuah jabatan kewangan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini direman tujuh hari bermula Selasa bagi membantu siasatan berhubung penggunaan dana jabatan itu berjumlah RM50 juta.

Sumber berkata, suspek ditahan kira-kira jam 1 tengah hari pada Isnin ketika hadir memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka.

Menurutnya, suspek dipercayai melantik isterinya yang bekerja di sebuah bank sebagai ejen bagi pelaburan saham berjumlah kira-kira RM50 juta.

"Hasil siasatan awal mendapati suspek dipercayai menggunakan dana wang awam dan juga wang amanah itu tanpa kelulusan pegawai pengawal kewangan," katanya.

Sumber memaklumkan perbuatan itu disyaki dilakukan dari tahun 2020 hingga 2023.

Perintah reman terhadap suspek lelaki berusia 57 tahun itu dikeluarkan Majistret N Sivashangari.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan pernah berkenaan dan suspek direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



# HARIAN METRO

## 18.06.2025 (RABU)



SUSPEK dibawa ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh, semalam.

### BEKAS PENGARAH DIREMAN

## Guna dana jabatan RM50j labur saham

**Melaka:** Bekas pengarah sebuah jabatan kewangan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini direman tujuh hari di Mahkamah Majistret Ayer Keroh semalam selepas disyaki menggunakan cana jabatan itu berjumlah RM50 juta untuk membuat pelaburan saham.

Perintah reman terhadap suspek berusia 57 tahun itu dikeluarkan Majistret N Sivashangari selepas dipohon pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi melengkapkan siasatan kes itu.

Terdahulu, suspek berpakaian baju lokap SPRM dibawa ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh kira-kira 9 pagi dengan menaiki kenderaan khas (SPV) agensi penguatkuasaan itu.

Kelmarin media melapor, suspek sebagai bekas pengarah kewangan sebuah PBT ditahan selepas disyaki menyalahgunakan

kuasanya dengan menggunakan dana PBT itu berjumlah RM50 juta untuk membuat pelaburan saham.

Sumber memaklumkan suspek ditahan kira-kira jam 1 tengah hari kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Melaka.

Suspek disyaki melakukan perbuatan itu dari 2020 hingga 2023 dengan melan tik isterinya yang bekerja di sebuah bank sebagai ejen pelaburan bagi pelaburan saham berjumlah kira-kira RM50 juta.

Siasatan awal mendapati suspek dipercayai menggunakan dana wang awam dan wang amanah itu tanpa kelulusan pegawai pengawal kewangan.

Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



# SINAR HARIAN

## 19.06.2025 (KHAMIS)

### Bekas timbalan speaker didakwa terima rasuah projek tambak laut

**SHAH ALAM** - Seorang bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas 20 pertuduhan menerima rasuah berbentuk wang tunai berjumlah RM235,000 dan tiga kereta mewah bagi projek tambak laut di Melaka.

Tertuduh, Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad, 61, membuat pengakuan berkenaan selepas kesemua pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Mohamad Ali sebagai pengarah urusan sebuah syarikat pemaju didakwa dengan 17 pertuduhan menerima wang tunai secara rasuah berjumlah RM5,000 hingga RM20,000 dengan jumlah ke-

seluruh RM235,000 daripada seorang pengarah syarikat lain ber gelar Datuk.

Bagi tiga pertuduhan lain, dia didakwa menerima tiga kenderaan mewah jenis BMW730Li, Range Rover dan Bentley Flying Spur daripada individu sama.

Ia sebagai upah untuk Mohamad Ali melantik syarikat itu menjadi kontraktor bagi menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja penambakan dan semua kerja berkaitan di bawah projek 'cadangan menambak laut seluas 100 ekar (40.5 hektar) di perairan kawasan Kota Laksamana, Melaka Tengah, Melaka' bernilai RM45.1 juta untuk tujuan pembangunan bercampur.

Kesalahan itu didakwa dilaku-

kan di dua premis, masing-masing di Glenmarie dan Sungai Buloh, Selangor antara Januari 2017 hingga 20 Januari tahun ini.

Pada prosiding berkenaan hari ini, Timbalan Pendakwa Raya SPRM Datuk Ahmad Akram Gharib mencadangkan jaminan RM60,000 bersama seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Peguam Md Yunos Shariff yang mewakili Mohamad Ali bersetuju dengan jumlah berkenaan bagi kesemua 20 pertuduhan itu.

Mahkamah kemudian membenarkan jumlah itu selain tertuduh dilarang berhubung dengan mana-mana saksi pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 24 Julai depan. - Bernama



Mohamad Ali (kanan) didakwa atas 20 pertuduhan menerima suapan bernilai RM235,000 dan tiga kereta mewah bagi projek penambakan laut seluas 40.4 hektar di Melaka.



MOHAMAD Ali (tengah) didakwa di Mahkamah Sesyen, Shah Alam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

# Terima RM235k, tiga kereta mewah

Oleh Norzamira  
Che Noh  
am@hmetro.com.my

Shah Alam

**B**ekas Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 20 pertuduhan menerima rasuah wang tunai berjumlah RM235,000 dan tiga kereta mewah berhubung projek tambak laut di Melaka.

Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad, 61, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Ali sebagai pengarah urusan sebuah syarikat pemaju didakwa de-

ngan 17 pertuduhan secara rasuah menerima wang tunai berjumlah RM5,000 hingga RM20,000 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM235,000 daripada seorang pengarah syarikat lain bergelar Datuk.

Bagi tiga lagi pertuduhan, dia didakwa menerima tiga kenderaan mewah jenis BMW730Li, Range Rover, dan Bentley Flying Spur daripada individu sama.

Ia sebagai upah untuk beliau melantik syarikat itu sebagai kontraktor bagi menjalankan kerja di bawah projek Cadangan Memambak Laut Seluas 100 ekar di perairan Kawasan Kota Laksamana, Melaka

Tengah, Melaka bernilai RM45.1 juta.

Kesalahan itu dilakukan di dua buah premis masing-masing di Glenmarie dan Sungai Buloh antara Januari 2017 hingga 20 Januari tahun ini.

Mohamad Ali melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda.

Dalam prosiding hari ini, Timbalan Pendakwa Raya SPM Datuk Ahmad Akram Gharib mencadangkan jaminan RM60,000

bersama seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Peguam, Md Yunos Shariff yang mewakili Mohamad Ali memohon mahkamah menggunakan budi bicara untuk memberikan jaminan kepada anak guamnya dan bersetuju dengan jumlah jaminan serta syarat tarmahan yang dicadangkan.

Hakim kemudian memutuskan jumlah jaminan demikian serta larangan kepada tertuduh daripada mengganggu saksi pendakwaan.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 24 Julai.



# HARIAN METRO

## 19.06.2025 (KHAMIS)

### RASUAH LESEN PERLOMBONGAN

## 3 termasuk 2 ADUN didakwa bulan ini

Kota Kinabalu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijangka mendakwa tiga individu termasuk dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berkaitan isu pengeluaran lesen perlombongan, bulan ini.

Ketua Pesuruhjaya Tan Sri Azam Bakri ketika mengesahkan perkara itu berkata, ketiga-tiga indivi-

du terbabit terdiri dua Adun dan seorang orang awam.

"Mereka dalam proses dipanggil untuk dirakam keterangan di bawah Kenyataan Beramaran. Tarikh mereka perlu dikemukakan ke mahkamah.

"Individu-individu ini akan didakwa di mahkamah dalam bulan ini atau menjelang akhir bulan ini,"

katanya sambil menambah ia bergantung kepada ketersediaan tarikh di mahkamah.

Azam berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Teknologi, Pengurusan Kelestarian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) di sini, semalam.

Ketika ditanya mengenai kesahihan video terkini

dan asal, beliau berkata, perkara itu tidak boleh diperincikan kerana ia kini dianggap subjidis.

"Saya tidak boleh bicang lagi kerana ia akan menjadi subjidis. Saya serah kepada Timbalan Pendakwa Raya, yang akan menggunakan bukti itu di mahkamah jika mereka perlu menggunakannya," katanya.



# HARIAN METRO

## 20.06.2025 (JUMAAT)

### KES RASUAH ADUN SABAH

## Pemberi maklumat juga bakal didakwa kerana babit rasuah

**Kuala Lumpur:** Pemberi maklumat skandal rasuah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sabah turut akan didakwa di mahkamah, bulan ini apabila siasatan mendapati beliau turut terbabit aktif dalam transaksi rasuah.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, pemberi maklumat terbabit antara tiga individu yang akan didakwa di Mahkamah Kota Kinabalu pada 30 Jun ini.

"Arahan untuk mendakwanya selepas siasatan mendapati beliau terlibat aktif dalam transaksi rasuah," katanya kepada Harian Metro, semalam.

**Siasatan mendapati beliau terlibat aktif dalam transaksi rasuah**  
Azam

Kelmarin, Harian Metro melaporkan pemberi maklumat skandal rasuah Adun Sabah juga akan didakwa di mahkamah bersama dua Adun.

Peguamnya, Mahajoth Singh dilaporkan berkata, anak guamnya bersama beliau hadir ke pejabat SPRM di Putrajaya, kelmarin bagi memberikan kenyataan lanjut, namun dimaklumkan anak guamnya akan didakwa.

Sejak November lalu, pemberi maklumat itu dilaporkan menyerahkan beberapa rakaman video berkaitan lesen perlombongan yang membabitkan beberapa Adun Sabah kepada sebuah portal berita.



AZAM (kanan) ketika menghadiri International Conference on Technology Management and Sustainability (ICTMS) 2025 di UiTM Cawangan Sabah.



# HARIAN METRO

## 20.06.2025 (JUMAAT)



ANTARA yang ditahan reman SPRM tujuh hari bagi membantu siasatan.

### DOKUMEN PALSU MOHON PERMIT KERJA

## 2 pengarah, pemilik, pengurus direman 7 hari

**Kuala Lumpur:** Dua pengarah, seorang pemilik dan seorang pengurus syarikat direman tujuh hari bagi siasatan mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu bagi mendapatkan permit pekerja asing di negeri ini.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan semua suspek direman

bermula semalam sehingga 24 Jun ini selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, keempat-empat suspek yang terdiri daripada dua lelaki dan dua wanita berusia 20 hingga 50-an itu ditahan kira-kira jam 4.30 petang kelmarin ketika hadir

memberi keterangan di ibu pejabat SPRM.

"Semua suspek yang turut terdiri daripada seorang warga Bangladesh dipercayai bersubahat melakukan perbuatan itu dan menerima wang rasuah berjumlah kira-kira RM210,000.

"Siasatan awal mendapati mereka mengemukakan

dokumen kontrak kerja dan Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB disyaki mengandungi butir matan palsu berkaitan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) untuk pekerja-pekerja asing kepada Bahagian Pengkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mendapatkan permit pekerja asing," katanya.



# HARIAN METRO

## 21.06.2025 (SABTU)



### ASP DIDAPATI BERSALAH TERIMA RASUAH

## Kekal setahun penjara, denda RM25,000

**Kuantan:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam mengekalkan hukuman penjara dan denda ke atas pegawai polis berpangkat asisten superintendant yang didapati bersalah menerima rasuah, tujuh tahun lalu.

Hakim Datuk Mohd Radzi Harun menolak rayuan Hasbullah Ali Alias, 48, dan mengekalkan hukuman setahun penjara dan denda RM25,000 yang diputuskan Mahkamah Sesyen di sini pada 2023.

Pada prosiding itu, pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Muhamad Asraf Mohamed Tahir manakala Hasbuliah diwakili peguam, Ahmad Nur Faid Afiq Aziz.

Terdahulu, Ahmad Nur Faid memohon kepada mahkamah menangguhkan hukuman sementara menunggu permohonan tertuduh rayuan ke di Mahkamah Rayuan.

Muhamad Asraf kemudian memohon jaminan lebih tinggi bagi menjamin kehadiran Hasbuliah sepanjang proses rayuan berlangsung.

Mohd Radzi membe-

narkan permohonan penangguhan hukuman menetapkan jaminan RM15,000 dan tertuduh perlu melapor diri pada setiap hari Isnin minggu pertama setiap bulan.

Tertuduh turut diarah menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga rayuan selesai.

Tertuduh kini digantung tugas perlu memohon rayuan kepada Mahkamah Rayuan dalam tempoh 14 hari. Jika gagal berbuat demikian, jaminan RM15,000 akan dibatalkan dan tertuduh perlu menjalani hukuman penjara.

Pada 15 Disember 2023, Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan dan denda RM25,000 selepas Hasbuliah didapati bersalah menerima rasuah RM5,000 berkaitan kes dadah yang dikendalikannya.

Hasbuliah ketika itu berkhidmat di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang didakwa menerima suapan itu daripada seorang lelaki di sebuah restoran di Jalan Beserah di sini pada 12.37 tengah hari, 7 Mei 2018.

**Tertuduh perlu  
mohon rayuan kepada  
Mahkamah Rayuan  
dalam tempoh 14 hari**



# SINAR HARIAN

## 21.06.2025 (SABTU)

# Rayuan ditolak, pegawai polis kekal dipenjara

Didapati bersalah minta suapan RM5,000 di restoran

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN  
KUANTAN

Mahkamah Tinggi di sini mengekalkan hukuman penjara dan denda ke atas seorang pegawai polis ber pangkat asisten superintendent yang didapati bersalah atas tuduhan rasuah.

Hakim Datuk Mohd Radzi Harun menolak rayuan yang difaikan oleh Hasbullah Ali Alias, 48, serta mengekalkan hukuman penjara 12 bulan dan denda RM25,000 yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen di sini pada tahun 2023.

Dalam prosiding tersebut, tertuduh yang diwakili peguam Ahmad Nur Faid Afiq Aziz memohon kepada mahkamah untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman sementara menunggu permohonan rayuan ke Mahkamah Rayuan.

Mohd Radzi memberarkan permohonan tersebut, namun tertuduh yang kini digantung tugas perlu memfailkan rayuan



Hasbullah (dua dari kiri) diiringi pegawai SPRM keluar dari Mahkamah Tinggi Kuantan pada Jumaat selepas mahkamah menolak rayuan dan mengekalkan hukuman yang dihadapi dua tahun lalu.

kepada Mahkamah Rayuan dalam tempoh 14 hari.

Sekiranya gagal berbuat demikian, jaminan sebanyak RM15,000 akan dibatalkan dan tertuduh perlu menjalani hukuman penjara seperti yang ditetapkan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Muhammad Asraf Mohamed Tahir.

Hasbullah yang ketika itu bertugas sebagai Pegawai Turus Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis

Kontinen (IPK) Pahang, didakwa di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM.

Dia kemudian didapati bersalah atas tuduhan meminta suapan sebanyak RM5,000 daripada seorang pengadu sebagai balasan kononnya wang tersebut akan diberikan kepada Timbalan Pendakwa Raya supaya hukuman yang dikenakan ke atas seorang lelaki atas kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya tidak dirayu.

Kesalahan itu dilakukan kira-kira jam 7.45 petang di sebuah restoran di Jalan Beserah, di sini pada Mei 2018.



# HARIAN METRO

## 25.06.2025 (RABU)



EMPAT pengarah syarikat termasuk seorang warga Bangladesh ditahan SPRM kerana dipercaya palsukan butiran dalam dokumen permohonan permit pekerja asing.

**Kuala Lumpur:** Empat pengarah syarikat termasuk seorang warga Bangladesh antara lima individu ditahan kerana disyaki memalsukan butiran dalam dokumen permohonan permit pekerja asing.

Menurut sumber, suspek terdiri daripada empat lelaki dan seorang wanita berusia 20-an hingga 60-an ditahan selepas memberi keterangan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor di Shah Alam antara jam 3 petang hingga 6 petang kelmarin.

## Empat pengarah syarikat ditahan palsu dokumen

"Kesemua suspek melalui syarikat masing-masing dipercayai melakukan perbuatan terbabit sekitar 2023 sehingga 2024.

"Siasatan awal mendapati kesemua suspek mengemukakan dokumen permohonan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Selangor yang mengandungi butir

matan palsu.

"Tindakan itu dipercayai dilakukan dengan niat untuk memperdayakan jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Selangor," katanya.

Menurutnya, kesemua suspek yang diwakili peguam direman empat hari bermula semalam hingga Jumaat ini bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Pengarah

- SPRM Selangor, Hairuzam Mohmad Amin@Hamim ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Katanya, tiga lagi individu ditahan bersama lima suspek, namun dibebaskan dengan jaminan atas faktor kesihatan.



# BERITA HARIAN

## 25.06.2025 (RABU)

### 5 termasuk 4 pengarah syarikat direman kes palsu permit pekerja asing

Kuala Lumpur: Lima individu, termasuk empat pengarah syarikat dengan seorang daripadanya warga Bangladesh ditahan selepas disyaki mengemukakan dokumen palsu bagi permohonan permit pekerja asing di Selangor.

Menurut sumber, semua suspek terdiri daripada empat lelaki dan seorang wanita berusia antara 20 hingga 60-an.

Katanya, kelima-lima mereka ditahan antara jam 3 hingga 6 petang semalam ketika hadir ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor untuk memberi keterangan.

"Semua suspek diperlakukan mengemukakan dokumen permohonan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0 kepada Jabatan Imigresen Selangor.

"Dokumen itu mengandungi butir matan palsu dan dipercayai bertujuan memperdayakan pihak Imigresen," katanya.



Suspek di bawa ke Mahkamah Majistret 2 Shah Alam, semalam.

(Foto ihsan SPRM)

Katanya, perbuatan itu dipercayai dilakukan melalui syarikat masing-masing antara 2023 hingga 2024.

Sehubungan itu, semua suspek kini direman empat hari sehingga 27 Jun ini untuk siasatan lanjut.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Mohamad Redza Azhar Rezali selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret 2 Shah Alam, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Hairuzzam Mohamad Amin@Hamim, mengesahkan penahanan itu dan berkata siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Katanya, tiga lagi individu turut ditahan semalam, namun mereka dibebaskan dengan jaminan RM10,000 atas faktor kesihatan.



# SINAR HARIAN

## 26.06.2025 (KHAMIS)

### Rasuah kontrak: Pengarah JKR negeri dituduh hari ini

**PUTRAJAYA** - Seorang pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) sebuah negeri yang dipercayai terlibat kes rasuah membabitkan kontrak bernilai ratusan ribu ringgit akan dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Khamis.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, pengarah dan beberapa pegawainya disyaki menerima wang rasuah daripada kontraktor berhubung dengan projek selenggaraan.

"Kes ini telah selesai dijalankan oleh Bahagian Operasi Khas SPM."

"Kita jangka esok (Khamis) akan tuduh pengarah tersebut di mahkamah di Jalan Duta (Kuala Lumpur) mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dengan lima pertuduhan," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat SPM Putrajaya di sini pada Rabu.

Menurut Ahmad Khusairi, akaun yang disita membabitkan kes tersebut ialah RM6.13 juta melibatkan 79 akaun individu dan 16 akaun syarikat.

"Rampasan aset tunut dibuat termasuk kenderaan dan wang tunai," ujarnya.

Mei lalu, media melaporkan dua penjawat awam termasuk berjawatan pengarah dan bergelar Datuk antara enam ditahan SPRM susulan kes rasuah membabitkan kontrak bernilai ratusan ribu ringgit.

Lelaki bergelar Datuk itu bersama seorang lagi penjawat awam iaitu jurutera di sebuah jabatan kerajaan di ibu negara adalah suspek utama kes membabitkan tawaran kerja kontrak pembangunan dan senggaraan sejak 2021.

Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek utama menerima kira-kira RM115,000 daripada orang tengah dalam bentuk wang tunai, pembiayaan ubah suai rumah dan pemberian telefon bimbit.

Menerusi Op Kepala dijalankan Bahagian Operasi Khas SPM di 10 premis sekitar Lembah Klang dan Johor semalam, SPRM menyita dua unit kenderaan jenis Toyota Hilux, wang tunai kira-kira RM165,000 selain membekukan 95 akaun perbankan terdiri akaun individu dan syarikat membabitkan jumlah kira-kira RM6 juta.



# SINAR HARIAN

## 26.06.2025 (KHAMIS)

### Siasatan kes Sapura Energy dijangka ambil masa panjang - SPRM

**PUTRAJAYA** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjangkakan mengambil masa panjang untuk menyiasat harta milik Sapura Energy Berhad (SEB) di luar negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya mengangarkan harta milik SEB di luar negara berjumlah AS\$3.3 juta (RM13.98 juta).

Beliau berkata, siasatan dilakukan ke atas aset tersebut dijangka mengambil masa lama kerana ia diserahkan kepada sub kontraktor di beberapa buah negara termasuk Brazil, Belanda serta Singapura.

"Kita juga perlu membuat pelbagai permohonan membatikan urusan siasatan ini," katanya.

### Seleweng dana: Pengerusi NGO di Melaka suspek utama

**PUTRAJAYA** - Seorang individu berjawatan pengerusi sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Melaka merupakan suspek utama bagi penyelewengan dana yang diperoleh hasil sumbangan orang ramai.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, tangkapan lima individu melibatkan pengerusi, setiausaha, bendahari serta pengurus wang telah dibuat pihaknya.

Menurut beliau, SPRM mengesyaki berlaku kesalahan salah guna kuasa di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

"Bila sebarang NGO atau persatuan yang mendaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RoS) mereka adalah di bawah akta kami (SPRM) dan dianggap sebagai badan awam.

"Maka sesiapa yang lakukan kesalahan untuk kepentingan diri sendiri, maka ia boleh

dikatakan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan sebab itu kes ini dibuka mengikut akta berkenaan selain Seksyen 409 Kanun Keseksaan serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembilayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA)," katanya.

Menurut Azam, sejumlah yang disyaki ialah RM26 juta dikesan dipindahkan daripada akaun NGO berkenaan kepada akaun individu yang disyaki dimasukkan kepada akaun pengerusi berkenaan.

Jelasnya, suspek utama dalam kes ini ialah pengerusi kepada NGO terbabit.

"Pengerusi terbabit baru sahaja dibebaskan selepas beberapa hari direman.

"Wang ini datangnya daripada orang ramai yang menyumbang kepada NGO berkenaan, antara lain untuk masyarakat di Syria," ujarnya.



# SINAR HARIAN

## 27.06.2025 (JUMAAT)

Harian

### Bekas Pengarah JKR Kuala Lumpur didakwa terima RM70,000



Norman mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Khamis, atas lima pertuduhan menerima wang berjumlah RM70,000 berkaitan projek penyenggaraan, tahun lalu.

**KUALA LUMPUR** – Seorang bekas Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Lumpur mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, atas lima pertuduhan menerima wang berjumlah RM70,000 berkaitan projek penyenggaraan, tahun lalu.

Datuk Ir Norman Md Rabani, 51, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Mengikut semua pertuduhan, bapa kepada empat anak itu didakwa menerima wang itu dengan tiada balasan daripada seorang subkontraktor yang mempunyai kepentingan dengan empat syarikat penyenggaraan bangunan sedangkan ia kaitan dengan tugas rasmi tertuduh.

Kesalahan itu didakwa di-

lakukan di sebuah pusat beli-belah di sini, antara 10 Ogos 2024 hingga 23 Januari lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa, Natrah Fareha Rahmat mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM25,000 dengan seorang penjamin.

"Ia termasuk syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah, melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berhampiran setiap awal bulan dan tidak mengganggu saksi pendakwaan," katanya.

Bagaimanapun, peguam

Abdul Hakeem Aiman yang mewakili tertuduh memohon jaminan rendah kerana tertuduh perlu menanggung anak berusia antara 16 dan 24 tahun.

"Anak guam saya bukan ahli perniagaan, sebaliknya penjawat awam yang telah ditahan reman selama empat hari.

"Sekiranya jumlah jaminan terlalu tinggi, ia akan memberi tekanan kewangan kepada tertuduh dan keluarga," katanya.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Hakim Suzana membenarkan tertuduh diikat sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin termasuk syarat tambahan seperti yang dicadangkan pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan sebutan kes pada 20 Ogos depan.



# SINAR HARIAN

## 27.06.2025 (JUMAAT)

### Bekas Timbalan YDP Dewan Negara didakwa

Hadapi pertuduhan terima suapan kereta mewah berkait projek tambak laut

Oleh NORAFIZA JAAFAR  
AYER KEROH

**S**eborang pengarah urusan sebuah syarikat di Melaka mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas pertuduhan menerima suapan sebuah kenderaan mewah jenis Range Rover Sport.

Tertuduh, Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad, 61, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan, beliau didakwa menerima kenderaan itu daripada pengarah syarikat subkontraktor sebagai upah kerana melantik syarikat berkenaan untuk menjalankan kerja-kerja pengelstrakan, pengangkutan dan pemunggahan pasir laut di kawasan penyimpanan pasir laut bagi projek tambakan laut di Melaka.

Projek tersebut melibatkan kerja-kerja penambakan kawasan seluas 220 ekar di Kota Laksamana, Melaka Tengah.

Tertuduh yang juga bekas



**Mahkamah  
& Jenayah**

Mohamad Ali (kanan) hadir di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh pada Khamis bagi menghadapi pertuduhan kes menerima suapan kereta mewah bagi projek tambakan laut.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara itu didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendallikan oleh Timbalan Pendakwa Raya SPRM,

Datuk Ahmad Akram Gharib, manakala tertuduh diwakili oleh peguam, Md Yunos Shariff.

Mahkamah menetapkan 14 Ogos depan sebagai tarikh sebuah semula kes, dan mengekalkan jumlah jaminan RM60,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Shah Alam pada 18 Jun lalu.



# HARIAN METRO

## 27.06.2025 (JUMAAT)



MOHAMAD Ali (tengah) dilurungi pegawai SPRM Melaka selepas prosiding kesnya di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam.

# Terima **rasuah** Range Rover Sport

*Bekas Timbalan Speaker Dewan Negara mengaku tidak bersalah*

Oleh Meor Riduan  
Meor Ahmad  
am@hmetro.com.my

Metaka

**B**ekas Timbalan Speaker Dewan Negara dituduh di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam, atas pertuduhan menerima rasuah pacuan empat roda Range Rover Sport daripada pengarah sebuah syarikat subkontraktor, 10 tahun lalu.

Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad, 61, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Ali sebagai pengarah urusan sebuah syarikat pemaju didakwa secara rasuah menerima suapan iaitu kenderaan Range Rover Sport daripada pengarah syarikat lain bergelar Datuk.

Ia sebagai dorongan untuk menganugerahkan kepada syarikat itu kerja-ker-

ja subkontraktor 'mengeks-trak, mengangkut dan memunggah pasir laut di kawasan simpanan ditetapkan membabitkan kerja penambakan pantai di Melaka dinitai pada kadar RM6.50 bagi setiap meter kubik pa-sir laut.'

Ja ada kaitan tiengen projek 'cadangan menambak laut dan semua kerja berkaitan seluas 89.03 hektar di Kota Laksamana.

Kesalahan itu dilakukan didakwa dilakukan di pejabat syarikat terbabit di Taman Kota Syahbandar di sini, pada Jun 2015.

Justeru, Mohamad Ali didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Mala-yisia (SPRM) dan boleh di-hukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, sabit ke-salahan boleh di-perjara maksimum 20 ta-hun dan denda mi-nimum lima kali ga-dga

nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Pada prosiding semalam,

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Datuk Ahmad Akram Gharib memaklumkan Mohamad Ali sudah di-

tuduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor, pada 18 Jun lalu atas 20 pertuduhan rasuah dan di-

benarkan jaminan seba-nyak RM60,000 bersama seorang penjamin dan pas-port diserahkan kepada mahkamah.

Katanya, pendakwaan ti-dak menawarkan jaminan bagi kes semalam dan mencadangkan mahkamah menggunakan pakai syarat dan jaminan seperti diputus-kan di Mahkamah Shah Alam.

"Pendakwaan juga akan memfaillkan per-mohonan pada tarikh sebu-tan 27 Julai depan di Mahka-mah Shah

Alam supaya semua kes di sana dipindahkan ke Mahkamah Sesyen 1 di Melaka untuk dibicarakan bersama.

"Pihak tarikh sebutan baharu ditetapkan selepas tarikh itu," katanya.

Peguam Md Yunos Sha-riif mengesahkan jami-nan dan syarat berkenaan serta tidak memban-tah cadangan pendakwa-an untuk perbicaraan bersama kes di Mahkamah Shah Alam dan Melaka.

Hakim Elesabet Paya Wan kemudian membe-narkan permohonan pen-dakwaan dan menetap-kan 14 Ogos depan untuk sebutan semula kes.

Pada 18 Jun lalu, Mo-hamad Ali mengaku ti-dak bersalah di Mahka-mah Sesyen Shah Alam atas 20 pertuduhan me-nerima rasuah wang tu-nai berjumlah RM235,000 dan tiga ke-reta mewah berhubung projek tambak laut di Me-laka.

**Hakim  
menetapkan 14 Ogos  
depan untuk sebutan  
semula kes**



# BERITA HARIAN

## 27.06.2025 (JUMAAT)

# Bekas Timbalan Speaker Dewan Negara didakwa lagi

Mohamad Ali dituduh terima rasuah kenderaan mewah daripada pengarah syarikat subkontraktor

Oleh Meor Riduan  
Meor Ahmad  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Ayer Keroh:** Bekas Timbalan Speaker Dewan Negara, Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad, sekali lagi didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, kali ini atas pertuduhan menerima rasuah sebuah kenderaan mewah daripada pengarah sebuah syarikat subkontraktor kira-kira 10 tahun lalu.

Mohamad Ali, 61, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan, beliau sebagai pengarah urusan sebuah syarikat pemaju tidak dikenal secara rasuah menerima suapan jaitu kenderaan Range Rover Sport bernombor pendaftaran MCR 2 daripada pengarah syarikat lain bergelar datuk.

Itu sebagai dorongan menganugerahkan kepada syarikat terbabit kerja kerja subkontraktor 'mengekstrak, mengangkut dan memunggah pasir laut di kawasan simpanan ditetapkan berhubung kerja penambakan Pantai di Melaka' yang dinilai pada kadar RM8.50 bagi setiap meter kubik pasir laut, bagi projek 'Ca-dangan Menambak Laut Dan Se-



Mohamad Ali (dua dari kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam.

(Foto BERNAMA)

mua Kerja Berkaitan seluas 89.88 hektar di Kota Laksamana'

Kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat syarikat terbabit di Taman Kota Syahbandar, dekat sini pada Jun 2015.

Mohamad Ali didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, sabit kesalahan boleh dipenjarai maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Pada prosiding berkenaan, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Datuk Ahmad Akram Gharib memaklumkan Mohamad

Ali dituduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 18 Jun lalu atas 20 pertuduhan rasuah dan dibenarkan jaminan RM80,000 bersama seorang penjamin dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Katanya, pendakwaan tidak menawarkan jaminan bagi kes hari ini dan mencadangkan mahkamah menggunakan pakai syarat dan jaminan seperti diputuskan di Mahkamah Shah Alam dan Melaka.

Hakim, Elesabet Paya Wan, kemudian membenarkan permohonan pendakwaan dan menetapkan 14 Ogos depan untuk seabut semula kes.

Pada 18 Jun lalu, Mohamad Ali mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas 20 pertuduhan menerima rasuah wang tunai berjumlah RM235,000 dan tiga kereta mewah berhubung projek tambak laut di Melaka.



# BERITA HARIAN

## 27.06.2025 (JUMAAT)

### Bekas Pengarah JKR dituduh terima RM70,000

**Kuala Lumpur:** Bekas Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Lumpur didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas lima tuduhan menerima wang RM70,000 daripada individu yang mempunyai kepentingan dalam syarikat penyenggaraan bangunan.

Tertuduh, Datuk Ir Norman Md Rabani, 51, mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan terhadap lima tuduhan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sahj kesalahan.

Mengikut semua tuduhan berkenaan, Norman, 51, didakwa menerima wang tunai berjumlah RM70,000 dengan tiada balasan

daripada seorang telaki yang mempunyai kepentingan dengan empat syarikat penyenggaraan bangunan yang mana ia mempunyai kaitan dengan tugas rasmi tertuduh.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah pusat beli-belah di sini, di antara 10 Ogos 2024 dan 23 Januari 2025, mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksian yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sahj kesalahan.

Terdahulu, pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Natrah Fareha Rahmat menawarkan jaminan berjumlah

RM25,000 dengan seorang penjamin ke atas tertuduh.

Natrah Fareha juga memohon mahkamah mengenakan tiga syarat tambahan iaitu dia perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai, melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhampiran setiap awal bulan dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Bagaimanapun, peguam bela Abdul Hakeem Aiman yang mewakili tertuduh memohon jaminan yang rendah dengan alasan anak guamnya menanggung empat orang anak berusia antara 16 dan 24 tahun yang masih belajar

serta menanggung perbelanjaan ubat ibu bapanya.

Beliau berkata, Norman yang telah ditahan reman selama empat hari, memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa sepanjang siasatan.

"Penjamin adalah isterinya dan sekiranya jumlah jaminan terlalu tinggi, ia akan memberi tekanan kewangan kepada tertuduh dan keluarganya," katanya.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, hakim membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin dan tiga syarat tambahan seperti dipohon pendakwaan.